

# AMALAN PENGGUNAAN PLASTIK DALAM KOMUNITI TAMAN SRI INDAH: SATU KAJIAN KES

## *PLASTIC USAGE PRACTICES IN TAMAN SRI INDAH COMMUNITY: A CASE STUDY*

Nurul Balqis Zamzuri Arifin<sup>1</sup>  
Sharifah Zahra Asyikin Syed Ahmad<sup>2</sup>  
Anis Diyana Halim<sup>3\*</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Fizik, Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
(Email: d20211099364@siswa.upsi.edu.my)

<sup>2</sup>Jabatan Fizik, Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
(Email: d20211099360@siswa.upsi.edu.my)

<sup>3</sup>\*Jabatan Fizik, Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
(E-mail: anis.diyana@fsmt.upsi.edu.my)

### Article history

**Received date** : 23-10-2024

**Revised date** : 24-10-2024

**Accepted date** : 15-12-2024

**Published date** : 31-12-2024

### To cite this document:

Zamzuri Arifin, N. B., Syed Ahmad, S. Z. A., & Halim, A. D. (2024). Amalan penggunaan plastik dalam komuniti Taman Sri Indah: Satu kajian kes. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 7 (25), 100 - 109.

**Abstrak:** Penggunaan plastik telah menjadi suatu isu yang membimbangkan kerana impaknya terhadap alam sekitar, kesihatan manusia dan haiwan. Amalan dan kesedaran manusia merupakan antara faktor yang menyumbang kepada masalah dalam penggunaan plastik. Kajian ini dijalankan bertujuan bagi menerokai amalan dan juga kesedaran penggunaan plastik dalam komuniti di Taman Sri Indah, Tanjung Malim, Perak. Kajian ini merupakan satu kajian kes dan data dikumpul menggunakan instrumen temu bual kepada 5 responden yang merupakan komuniti di Taman Sri Indah. Hasil kajian menunjukkan komuniti di Taman Sri Indah mempunyai amalan penggunaan plastik yang hampir sama dan mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap isu ini. Oleh itu, masyarakat perlu diberi penekanan yang lebih lagi bagi meningkatkan kesedaran mereka dan amalan yang bijak dalam penggunaan plastik.

**Kata Kunci:** Amalan, Kesedaran, Penggunaan plastik

**Abstract:** Plastic usage has become a concerning issue due to its impact on the environment, human health, and animals. Human practices and awareness are among the factors contributing to the problems related to plastic usage. This study aims to explore the practices and awareness of plastic usage within the community in Taman Sri Indah, Tanjung Malim, Perak. This is a case study, and the data were collected using interview instruments with 5 respondents from the community in Taman Sri Indah. The study results show that the Taman Sri Indah community has similar practices in plastic usage and has a high level of awareness regarding this issue. Therefore, more emphasis should be placed on increasing their awareness and wise practices in plastic usage.

**Keywords:** Practice, Awareness, Plastic Usage

## Pengenalan

Dalam era moden ini, penggunaan plastik telah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Menurut laporan World Wide Fund (WWF) (2020), Malaysia adalah salah satu negara dengan penggunaan plastik tertinggi pada tahun 2019, dengan rata-rata setiap penduduk menggunakan 16.78 kilogram plastik setiap hari dan menjadikan angka ini lebih tinggi daripada negara-negara lain seperti China, Indonesia, Filipina, Thailand, dan Vietnam (Mohamad et al., 2022). Berdasarkan statistik ini, jelas menunjukkan bahawa pencemaran plastik di Malaysia berada pada tahap yang serius. Hal ini disebabkan penggunaan plastik kian meningkat seiring dengan perkembangan zaman (Saputri et al., 2024). Plastik kebanyakannya digunakan secara meluas merangkumi pelbagai aspek seperti menyimpan barang, membungkus makanan dan sebagainya. Hal ini disebabkan oleh sifat plastik itu sendiri yang ringan serta kos yang rendah menyebabkan masyarakat lebih memilih plastik untuk digunakan dalam kehidupan seharian. Hal ini seiring dengan kajian Fitri dan Ferza (2020), bahawa sifat plastik tersebut menyumbang kepada peningkatan jumlah sisa plastik. Penggunaan plastik secara meluas ini menyebabkan lebih banyak plastik yang dibuang seterusnya membawa kesan negatif bukan sahaja kepada pengguna malah kepada alam sekitar.

Dewasa ini, penggunaan plastik dalam kalangan masyarakat dilihat semakin menjadi-jadi yang mana secara tidak langsung telah menunjukkan ketidaksedaran masyarakat dalam bahaya penggunaan plastik. Menurut Muhammad et al., (2024), ketidaksedaran masyarakat dalam bahaya penggunaan plastik menyebabkan plastik menjadi sumber utama dalam masalah persekitaran. Isu ini merupakan suatu isu yang signifikan dan mungkin terjadi disebabkan kurangnya didikan berkenaan kesan penggunaan plastik, kebiasaan mereka dalam membeli barang plastik kerana lebih murah, dan sebagainya. Hal ini adalah selaras dengan pernyataan Nurul dan Nursaid (2020), majoriti masyarakat tidak sedar bahawa penggunaan plastik adalah membahayakan terutama sekali kerana sifatnya yang sukar untuk terurai dan kesan buruknya terhadap pencemaran alam sekitar. Ramai yang menganggap penggunaan bahan plastik yang berlebihan adalah suatu perkara remeh sehingga berlakunya pencemaran plastik terhadap manusia dan juga haiwan (Nurul & Ratna, 2023). Menurutnya lagi, plastik mempunyai sifat yang tahan terhadap degradasi menyebabkan mustahil untuk plastik lups atau hilang sepenuhnya. Oleh itu, kesedaran yang tinggi terhadap penggunaan plastik dalam masyarakat adalah penting terutamanya bagi menjaga keselamatan hidupan dan kelestarian alam sekitar.

Penggunaan plastik dalam kehidupan masyarakat boleh dikatakan adalah suatu perkara atau amalan rutin. Walau bagaimanapun, amalan penggunaan plastik secara berlebihan dan tidak bijak akan menimbulkan beberapa masalah kepada manusia, haiwan dan juga persekitaran. Antara masalah yang dapat dilihat dengan jelas adalah sikap beberapa individu yang sering membuang plastik ke dalam tong sampah kitar semula tanpa mereka mempertimbangkan kebolehgunaan semula plastik tersebut (Mamat & Mohd Najib, 2020). Perkara ini akan menyebabkan penggunaan plastik akan semakin meningkat kerana ia tidak digunakan semula oleh masyarakat. Walhal, plastik dapat digunakan semula dalam pelbagai cara seperti dijadikan sebagai plastik sampah, menyimpan barang dan lain-lain lagi dan cara ini akan menjimatkan lagi penggunaan plastik. Selain itu, penggunaan plastik yang telah meluas juga menyebabkan masyarakat kurang menghargainya sehingga plastik dibuang secara sembarangan (Sarkawi et al., 2021). Secara tidak langsung, sikap masyarakat yang tidak menghargai kewujudan plastik serta menguruskan plastik dengan betul dan sistematik akan menyumbang kepada kegagalan dalam pemeliharaan alam sekitar.

Disebabkan itu, pihak kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa inisiatif untuk mengurangkan penggunaan plastik. Antaranya adalah dengan mengadakan ‘Kempen Tiada Beg Plastik’ di mana penggunaan beg plastik di pasaraya dan kedai runcit akan dikenakan caj. Selain itu, pihak kerajaan juga membuat larangan penggunaan plastik sekali guna dan memperkenalkan straw biodegradasi serta straw kertas di samping melancarkan kempen dan program kesedaran bahayanya penggunaan plastik. Walau bagaimanapun, pelbagai inisiatif lain yang lebih berimpak masih perlu dirancang dan dilaksanakan untuk mengatasi isu penggunaan plastik di Malaysia.

## Kajian Literatur

### **Kesan Penggunaan Plastik kepada Alam Sekitar dan Kesihatan Manusia**

Penggunaan plastik yang berlebihan cenderung untuk memberi kesan yang negatif terutama sekali terhadap alam sekitar. Antara pencemaran yang boleh terjadi akibat penggunaan plastik adalah pencemaran air, udara dan pencemaran tanah. Menurut Muhammad et al. (2022), pelupusan beg plastik di tapak-tapak pelupusan akan membebaskan toksik daripada plastik ke dalam tanah dan seterusnya mendorong kepada berlakunya pencemaran tanah dan air. Secara tidak langsung pelupusan plastik akan mengganggu struktur tanah dan juga pertumbuhan tumbuhan. Hal ini menjadi semakin serius apabila Malaysia menjadi pusat pelupusan sisa buangan bagi negara-negara maju yang mana dalam laporan Greenpeace Malaysia pada tahun 2018 telah mencatatkan sebanyak hampir 200 juta metrik tan sisa plastik dari negara-negara luar telah diimport secara haram ke dalam Malaysia sekitar bulan Januari hingga Julai 2018 (Syahirah & Norshamliza, 2021). Bukan itu sahaja, sifat plastik yang ringan juga mudah untuk dibawa terbang ke merata tempat termasuk tanah dan juga lautan atau sungai. Perkara ini seterusnya menyebabkan aliran sungai tersumbat sehingga berlaku banjir dan menjelaskan kualiti air (Anugrah, 2022).

Selain itu, penggunaan plastik yang meluas turut memberi kesan terhadap kesihatan manusia. Menurut Muhammad et al. (2022), bahan toksik yang terkandung dalam plastik yang terbebas ke tanah, udara dan air akan menjelaskan kesihatan manusia. Aktiviti membakar sisa buangan merupakan salah satu aktiviti yang sering dilakukan oleh masyarakat bagi melupuskan sisa tersebut. Pembakaran tersebut secara tidak langsung mengeluarkan asap bertoksik yang hitam dan tebal yang mengandungi karbon (Ku et al., 2024) dan seterusnya asap ini akan mengganggu sistem pernafasan manusia. Pencemaran sungai juga bukan sahaja mengakibatkan ekosistem marin terganggu tetapi juga menyumbang kesan negatif kepada kesihatan manusia. Hal ini kerana sungai merupakan sumber air bersih yang sering digunakan oleh manusia untuk tujuan pembersihan, pertanian dan minuman (Ida & Rahaya, 2021). Maka, apabila sumber air bersih tiada disebabkan pencemaran sungai, kesihatan manusia juga akan terjejas .

### **Inisiatif Mengurangkan Penggunaan Plastik di Negara Lain**

Kes penggunaan plastik ini bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi turut berlaku di negara-negara lain. Setiap negara tersebut telah mencari pelbagai solusi dan inisiatif bagi mengurangkan penggunaan plastik di negara mereka. Antara langkah-langkah yang telah terbukti mampu mengurangkan penggunaan plastik adalah dengan melaksanakan larangan penggunaan plastik pakai buang yang mana plastik ini hanya boleh digunakan sekali sahaja dan perlu terus dibuang setelah digunakan (Genon et al., 2022). Larangan ini telah dikuatkuasakan di Bandar Toledo, Filipina di mana penduduk dilarang untuk menggunakan plastik pakai buang seperti beg plastik, straw, cawan minuman, pinggan dan sebagainya tetapi tidak berfungsi ke atas bahan yang telah dibalut menggunakan plastik pakai buang. Larangan ini telah dimasukkan

ke dalam Ordinan 2343 yang melarang penggunaan plastik di mana-mana kedai pada setiap hari dan sesiapa yang melanggar peraturan dikenakan 5000 pesos atau dipenjara selama satu hingga tiga puluh hari. Langkah ini dikatakan berkesan kerana majoriti penduduk menyatakan mereka telah kurang melihat beg plastik di jalanan dan mempercayai peraturan tersebut memberikan impak terhadap pengurusan sisa plastik.

Selain itu, di negara Indonesia juga telah melaksanakan langkah-langkah pengurangan penggunaan plastik di negara mereka. Di negara tersebut, mereka memulakan inisiatif Ecobrick. Menurut kajian Fauzi et al, (2020) Ecobrick merupakan kaedah memasukkan plastik yang telah dibersihkan dan dikeringkan ke dalam botol Polietilena Tereftalat (PET) atau ke dalam botol minuman biasa tanpa memerlukan kemahiran khusus serta hanya menggunakan bahan daripada aktiviti harian masyarakat. Melalui inisiatif ini, negara mereka telah berjaya menghasilkan produk baharu antaranya kerusi, meja dan pengganti bata dalam pembinaan rumah. Hal ini menjadikan sisa plastik yang boleh mencemarkan persekitaran berjaya bertukar menjadi produk yang berguna. Dengan pendekatan ini, Indonesia bukan sahaja mengurangkan pencemaran plastik daripada penggunaannya malah menjadi contoh kepada negara lain dalam menerapkan langkah yang lestari demi melindungi alam sekitar.

### **Pernyataan Masalah**

Penggunaan plastik secara meluas dalam komuniti telah menjadi isu global yang memberi impak besar kepada alam sekitar. Plastik, terutamanya plastik sekali guna seperti beg plastik, botol, dan pembungkus makanan, sering kali tidak dilupuskan dengan cara yang betul, menyebabkan pencemaran di darat dan di laut. Walaupun terdapat pelbagai inisiatif untuk mengurangkan penggunaan plastik, tabiat masyarakat yang masih bergantung kepada plastik dalam kehidupan harian terus menjadi cabaran utama.

Selain itu, tahap kesedaran komuniti mengenai kesan jangka panjang penggunaan plastik terhadap alam sekitar, seperti pencemaran mikroplastik dan ancaman terhadap hidupan liar, masih rendah. Kemudahan untuk menguruskan sisa plastik, seperti kemudahan kitar semula, juga sering kali terhad atau tidak diakses dengan mudah, terutamanya di kawasan luar bandar. Ini mengakibatkan kebanyakan sisa plastik berakhir di tapak pelupusan sampah atau dibakar, yang menyumbang kepada pelepasan gas rumah hijau.

### **Objektif Kajian**

Justeru itu, suatu kajian akan dijalankan terhadap komuniti Taman Sri Indah di Tanjung Malim, Perak. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah bagi mengkaji kesedaran dan juga amalan komuniti Taman Sri Indah terhadap penggunaan plastik dalam kehidupan seharian. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji kesedaran komuniti Taman Sri Indah berkaitan penggunaan plastik dalam kehidupan seharian.
2. Meneroka amalan komuniti Taman Sri Indah terhadap penggunaan plastik dalam kehidupan seharian.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes dengan menggunakan kaedah kualitatif. Menurut Assyakurrohim et al. (2023), pendekatan kajian kes menjadi pilihan utama dalam penyelidikan kualitatif. Hal ini kerana, kaedah kualitatif membolehkan penyelidik mengkaji fenomena atau situasi tertentu secara mendalam dan menyeluruh. Ini termasuk dalam mencapai objektif kajian iaitu memahami kesedaran dan amalan komuniti Taman Sri Indah terhadap

penggunaan plastik dalam kehidupan seharian. Dalam mencapai objektif kajian ini, penyelidik menggunakan instrumen temu bual. Penyelidik menggunakan temu bual separa berstruktur yang dihasilkan berdasarkan teori pembelajaran kendiri. Kaedah temu bual ini dilakukan oleh penyelidik kepada responden secara atas talian bagi mereka yang tidak dapat berjumpa secara langsung manakala temu bual secara bersemuka pula dilakukan bagi responden yang dapat berjumpa secara bersemuka.

Jumlah sampel yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai lima orang pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) daripada komuniti Taman Sri Indah. Penyelidik memilih sampel dalam kajian ini menggunakan teknik persampelan kesenangan (*convenience sampling*) iaitu sampel yang mudah diakses oleh penyelidik. Hal ini kerana menurut Stratton (2021), teknik persampelan kesenangan sering digunakan dalam kajian kualitatif di mana teknik persampelan ini bergantung kepada motivasi atau keinginan seseorang untuk terlibat dalam kajian. Walau bagaimanapun, menurutnya lagi teknik persampelan ini mempunyai risiko untuk menerima kurang penglibatan sampel menyebabkan pengkaji tidak dapat memperoleh data yang diingini. Seterusnya, penyelidik akan menggunakan analisis tematik untuk menganalisis data temubual yang telah ditranskrip dalam bentuk teks dan diinterpretasikan. Analisis tematik merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan data yang diperoleh mengikut tema (Sitasari, 2022). Analisis tematik mengandungi beberapa peringkat. Peringkatnya adalah memahami data, diikuti dengan mencipta kod awal, kemudian mencari tema yang muncul daripada data seterusnya meneliti tema dengan mentakrifkan tema dan akhir sekali adalah menghasilkan laporan (Braun & Clarke, 2006).

## Dapatkan Kajian

### Kesedaran Terhadap Kesan Penggunaan Plastik

Tema pertama ialah berkenaan kesedaran komuniti Taman Sri Indah dalam kesan penggunaan plastik terhadap manusia, alam sekitar dan haiwan. Kajian ini melibatkan lima orang responden yang tinggal di kawasan perumahan Taman Sri Indah yang terdiri daripada pelbagai golongan. Antaranya ialah pelajar universiti, suri rumah dan pekerja di mana sebahagian besar daripada mereka tinggal di rumah teres dan berpendapatan sederhana dengan tahap pendidikan yang berbeza. Oleh itu, penyelidik meminta perspektif daripada mereka mengenai kesedaran terhadap bahaya penggunaan plastik dan amalan komuniti dalam penggunaan plastik.

Melalui analisis data yang telah direkodkan dalam Jadual 1, 100% responden bersetuju bahawa penggunaan plastik akan memberikan kesan yang negatif kepada manusia dan juga alam sekitar. Nurzuliana yang merupakan suri rumah berpendapat bahawa penggunaan plastik secara berleluasa akan menyebabkan longkang tersumbat. Berikut merupakan contoh petikan temu bual:

*Pada pendapat saya, kesan penggunaan plastik terhadap alam sekitar, dia boleh menyebabkan pencemaranlah. Pertama menyebabkan pencemaran air sebab apa, plastik dibuang ke dalam air menyebabkan air tu tersumbat dan dia tidak dapat mengalir dengan baik. Sebab apa, sebab plastik ni kan dia susah untuk dimusnahkan.*

(R3: Nurzuliana)

Sebagai suri rumah, beliau sering menggunakan plastik dalam kehidupan seharian. Beliau juga mendapati jirannya yang juga merupakan suri rumah membuang plastik-plastik yang telah

digunakan ke dalam longkang. Hal ini telah menyebabkan longkang di kawasan perumahan tersumbat dan menghalang pengaliran air longkang tersebut.

Selain itu, 60% iaitu 3 daripada 5 orang responden bersetuju bahawa penggunaan plastik juga akan memberi impak atau menjelaskan ekosistem hidupan laut. Pandangan tersebut menjadi lebih jelas apabila responden-responden ini mengaitkan pencemaran laut dengan ancamannya terhadap hidupan laut seperti penyu atau ikan-ikan dan kawasan sekitar perumahan mereka. Hal ini menunjukkan sekiranya mereka membuang plastik merata-rata walaupun di sekitar tempat tinggal mereka, tidak mustahil di sungai, laut mahupun di mana-mana sekalipun mereka akan berbuat demikian untuk memusnahkan alam sekitar.

### **Persepsi terhadap Tindakan Caj 20 Sen bagi Beg Plastik oleh Kerajaan**

Tema seterusnya adalah mengenai persepsi komuniti Taman Sri Indah terhadap tindakan caj beg plastik 20 sen yang telah dikenakan oleh pihak kerajaan. Berdasarkan Jadual 1, hanya seorang sahaja yang kurang bersetuju dengan tindakan tersebut manakala 4 orang responden iaitu sebanyak 80% lagi bersetuju dengan caj yang dikenakan dan beranggapan bahawa tindakan tersebut adalah relevan. Seorang responden yang bersetuju tersebut ialah Fikrullah yang merupakan penyelia sebuah restoran menekankan inisiatif caj 20 sen terhadap beg plastik dapat mengurangkan pencemaran plastik di kawasan perumahan mereka. Berikut adalah contoh petikan temu bual tersebut:

*Cara menangani penggunaan plastik ni bagi saya itu adalah salah satu langkah yang sangat relevan sebab jika tidak dilakukan langkah sedemikian, penggunaan plastik secara bebas tu akan lebih banyak dan bila barang yang banyak ini akan kurang dihargai so akan lebih banyak barang-barang plastik tu berada di taman perumahan dan menyebabkan keadaan jadi lebih kotorlah dan bencana macam tu.*

(R5: Fikrullah)

Dari sudut pandang Fikrullah, tindakan mengenakan caj terhadap plastik adalah pendekatan yang praktikal bagi mendidik masyarakat untuk lebih menghargai barang yang digunakan. Hal ini kerana, beliau sering berhadapan dengan isu mengenai penggunaan plastik dalam kalangan pelanggan mahupun pekerja restoran seperti bungkus makanan dan minuman yang kerap digunakan dalam sektor pemakanan. Sebagai penyelia restoran juga, beliau turut menyedari cabaran yang dihadapi dalam menguruskan sisa plastik yang berada di sekitar restoran. Justeru itu, pandangan beliau ini memberi gambaran bahawa individu yang bekerja dalam sektor makanan cenderung untuk menyokong inisiatif seperti ini yang diharapkan membawa perubahan positif kepada masyarakat serta alam sekitar.

### **Cara Penggunaan Plastik**

Seterusnya, tema ketiga adalah tentang cara penggunaan plastik oleh komuniti Taman Sri Indah dalam kehidupan seharian. Merujuk kepada Jadual 1, majoriti responden iaitu sebanyak 80% responden menggunakan plastik untuk membuang sampah. Contoh petikan temu bual adalah seperti berikut:

*Oh banyak, biasanya buang sampah, kalau macam beli makanan dekat Grab ke apa ke akan dapat plastik, nanti plastik tu selalunya akan gunakan balik untuk buang sampah ke, untuk simpan-simpan barang ke macam botol air pun kadang-kadang guna jugak.*

(R4: Izzati)

Izzati yang merupakan seorang pelajar universiti dan tinggal di kawasan perumahan Taman Sri Indah menjelaskan bahawa penggunaan plastik dalam kehidupan sehari-hari beliau sangat bergantung kepada keperluan harian. Beliau kebiasaannya membeli makanan melalui aplikasi *Grab Food* dan sering menerima plastik sebagai pembungkus makanan yang kemudiannya akan digunakan semula untuk membuang sampah atau menyimpan barang lain. Perspektif Izzati menunjukkan bahawa penggunaan plastik adalah telah menjadi sebahagian daripada rutin hariannya walaupun beliau tahu akan kesan negatifnya.

Bukan itu sahaja, sebanyak 40% iaitu 2 orang daripada 5 orang responden menyatakan bahawa mereka juga menggunakan plastik untuk menyimpan barang dan menggunakan kembali botol plastik sebagai botol minuman. Hal ini kerana sebahagian daripada responden tersebut merupakan golongan pekerja yang mempunyai gaya hidup yang praktikal dengan memanfaatkan botol plastik kosong sebagai penyimpanan air.

### Persediaan Sebelum Berbelanja

Tema yang keempat iaitu tema yang terakhir membincangkan berkenaan persediaan komuniti Taman Sri Indah sebelum berbelanja. Hasil daripada temu bual bersama 5 orang responden, 60% responden akan membawa beg sebelum berbelanja dan 60% juga mengatakan bahawa mereka tidak membawa sebarang beg sebelum berbelanja dan hanya menggunakan plastik yang diberi oleh juruwang. Hal ini kerana seorang daripada responden menyatakan bahawa dia akan membawa beg sebelum berbelanja sekiranya dia ingat sahaja. Berikut adalah contoh petikan temu bual tersebut:

*Kalau saya teringat, saya bawaklah beg saya sendiri tapi kalau tak teringat maka terpaksalah beli plastik.*

(R2: Nazatul)

Hasil temu bual daripada responden ini yang merupakan seorang pelajar universiti menunjukkan faktor kesibukan harian beliau sebagai seorang pelajar menyebabkannya seringkali lupa untuk membawa beg sendiri. Walaupun sebahagian besar responden menyedari pentingnya membawa beg sendiri untuk membeli, namun sikap mereka yang dipengaruhi oleh kelupaan atau faktor kesibukan sehari-hari mempengaruhi persediaan mereka sebelum berbelanja.

### Perbincangan

Hasil kajian daripada tema pertama menunjukkan kesemua responden mengetahui mengenai kesan negatif terhadap penggunaan plastik kepada manusia dan alam sekitar adalah tinggi terutamanya daripada segi pencemaran. Seperti yang dinyatakan oleh R3, pembuangan plastik secara tidak betul akan menyebabkan saluran air tersumbat. Hal ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang baik mengenai masalah pencemaran plastik. Tambahan pula, terdapat satu responden yang menyatakan bahawa terdapatnya kesan positif penggunaan plastik kepada manusia iaitu daripada segi inovasi dalam menjadikan plastik sebagai barang yang memberi kegunaan yang baharu. Kenyataan ini menunjukkan bahawa kesan penggunaan plastik bukan sahaja ke arah negatif namun terdapat juga kesan positif terhadap penggunaan plastik dalam kehidupan.

Seterusnya daripada tema kedua, majoriti responden menyokong tindakan kerajaan yang mengenakan caj 20 sen bagi penggunaan beg plastik di pasar raya tertentu. Walau bagaimanapun, hanya seorang daripada responden yang kurang bersetuju dengan tindakan kerajaan tersebut. Secara umumnya, komuniti di Taman Sri Indah memahami dan menyokong

usaha kerajaan untuk mengurangkan penggunaan plastik dengan mengenakan caj terhadap plastik. Ini disokong oleh kenyataan daripada R5 bahawa caj yang dikenakan merupakan langkah yang relevan dalam mengurangkan pencemaran daripada penggunaan plastik secara berleluasa.

Tema ketiga mendapati komuniti Taman Sri Indah menggunakan plastik dalam kehidupan sehari-hari mereka adalah secara kerap dengan tujuan yang berbeza. Antaranya, sebanyak 80% responden menyatakan yang mereka menggunakan plastik untuk membuang sampah manakala 40% digunakan untuk menyimpan barang serta dijadikan sebagai botol minuman. Hal ini menunjukkan bahawa plastik merupakan bahan yang serbaguna dalam kehidupan sehari-hari, walaupun kesan negatifnya diakui.

Tema yang terakhir menunjukkan terdapat kebiasaan yang pelbagai dalam persediaan komuniti Taman Sri Indah sebelum berbelanja. Sebanyak 60% responden menyatakan mereka membawa beg sendiri sebelum berbelanja. 60% responden juga ada mengatakan bahawa mereka tidak membawa beg dan hanya menggunakan plastik yang disediakan oleh juruwang. Ini menunjukkan bahawa terdapat responden yang melakukan kedua-duanya pada waktu yang berbeza. Seperti R2 yang hanya akan membawa beg sendiri jika ingat, namun jika tidak dia akan membeli beg plastik. Hal ini menunjukkan bahawa kebiasaan komuniti untuk membawa beg sendiri sebelum berbelanja masih berada pada tahap yang rendah serta bergantung kepada individu itu sendiri jika mereka ingat untuk membawa beg sendiri.

Secara ringkasnya, kajian yang telah dilakukan ini menunjukkan bahawa komuniti Taman Sri Indah mempunyai tahap kesedaran yang tinggi mengenai kesan penggunaan plastik terhadap manusia, alam sekitar serta haiwan. Majoriti responden juga menyokong alternatif kerajaan yang mengenakan caj 20 sen terhadap penggunaan plastik di pasar raya sebagai usaha untuk mengurangkan penggunaan plastik. Walaupun plastik digunakan secara meluas dengan pelbagai tujuan, namun usaha komuniti dalam meningkatkan kebiasaan membawa beg membeli belah sendiri perlu dipupuk disebabkan persediaan mereka masih belum konsisten dalam mengurangkan penggunaan plastik. Oleh itu, pengetahuan dan sokongan komuniti terhadap inisiatif mengurangkan penggunaan plastik perlu diwujudkan melalui tindakan yang berterusan dalam kehidupan.

## Kesimpulan

Menurut kajian yang telah dilakukan, hasil dapatan penyelidik mendapati bahawa kesedaran komuniti Taman Sri Indah terhadap kesan penggunaan plastik adalah tinggi. Walau bagaimanapun, masih terdapat amalan penggunaan plastik yang kurang memuaskan seperti kurang mengamalkan membawa beg sendiri ketika membeli belah sebelum berbelanja. Namun, majoriti komuniti ini amat menyokong alternatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan iaitu mengenakan caj 20 sen terhadap penggunaan plastik di pasar raya. Oleh itu, tindakan yang konsisten diperlukan untuk meningkatkan kesedaran serta amalan pengurangan penggunaan plastik demi menjaga kesihatan, alam sekitar dan kelestarian kehidupan.

Komuniti Taman Sri Indah perlu diberi penekanan dalam meningkatkan lagi kesedaran dan terutamanya amalan yang bijak dalam penggunaan plastik. Inisiatif seperti pendidikan dan promosi mengenai kesan penggunaan plastik dan galakan penggunaan plastik juga perlu dipertingkatkan di sekitar komuniti Taman Sri Indah. Selain itu, kerjasama daripada pihak kerajaan serta peniaga tempatan dalam menyediakan kemudahan dan bagi memotivasi komuniti untuk menggunakan beg selain daripada beg plastik demi mengurangkan penggunaan

plastik sekali guna juga penting. Dengan usaha yang konsisten, diharapkan komuniti ini dapat mengurangkan kesan negatif dalam penggunaan plastik serta membawa kepada kehidupan yang lebih lestari dan sihat.

## Rujukan

- Amran, I. R., & Jamin, R. M. (2021). Kajian Pencemaran Air Terhadap Komuniti Orang Asli di Tasik Chini, Pahang. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research*, 3(2), 119-128.
- Assyakurrohim, D., Ikhram, D., Sirodj, R. A., & Afgani, M. W. (2023). Metode studi kasus dalam penelitian kualitatif. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Komputer*, 3(01), 1-9.
- Azramzury, M. D. M., Bajiru, N., & Mahmud, F.-A. (2022). Penghasilan Beg D's Nature daripada Beg Plastik Terpakai. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation*, 3(5), 93–98.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Cisara, A. (2022). Ketidakpedulian Manusia Terhadap Sampah Plastik Ikonik: *Jurnal Seni Dan Desain*, 4(1), 35–42.
- Din, M. A. A. M., & Ghani L. A. (2021). Analisis Rangkaian Sosial Terhadap Pemain Utama Dalam Memperkasakan Kempen Bebas Beg Plastik di Kuantan Pahang. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research*, 3(1), 111-112.
- Fauzi, M., Sumiarsih, E., Adriman., Rusliadi, & Hasibuan, I.F. (2020). Pemberdayaan Masyarakat Melalui Pelatihan Pembuatan Ecobrick Sebagai Upaya Mengurangi Sampah Plastik di Kecamatan Bunga Raya. *Riau Journal of Empowerment*, 3(2), 87-96.
- Fitri, S. E., & Ferza, R. (2020). Dinamika, Problematika, Dan Implikasi Kebijakan Pengelolaan Sampah Plastik Di Daerah. *Jurnal Kebijakan Pembangunan*, 15(1), 11-24.
- Genon, J., Mabunay, J., Opsima, J., Zamora, R., Repaso, J., & Sasan, J. M. V. (2022). Solutions and Strategies to Reduce Damaging Impact of Single-Use Plastic Bag in Toledo City. *Amalee: Indonesian Journal of Community Research and Engagement*, 3(1), 59–70.
- Ismail, N. H. B., Sobri, A. Y. A. A., Majid, N. A., Rosdi, N. M., & Ravi, Y. (2021). Penghasilan Straw Daripada Batang Pisang Iaitu Ecobananas. *Journal on Technical and Vocational Education*, 6(1), 119-128.
- Lah, S., C. & Chamhuri, N. (2021). Tinjauan Awal Gelagat Pengguna Malaysia Terhadap Isu Penggunaan Beg Plastik (Consumer Attitudes on the Use of Plastic Bags in Malaysia: A Preliminary Study). *Akademika*, 91(1), 25–38.
- Mamat, M. S., & Mohd Najib, S. A. (2020). Pendidikan Amalan Kitar Semula Sisa Pepejal kepada Masyarakat. *Geografi*, 8(1), 43-69.
- Md Din, M. A. 'Aizuddin, & Abdul Ghani, L. (2021). Analisis Rangkaian Sosial Terhadap Pemain Utama Dalam Memperkasakan Kempen Bebas Plastik di Kuantan Pahang. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research*, 3(1), 111–112.
- Mohamad, N., Affandi, H. M., Effendi, M., & Matoreb, E. M. (2022). Kesedaran Pengurusan Sisa Botol Plastik di Kalangan Pelajar Kolej Vokasional di Malaysia. *Jurnal Kejuruteraan*, 5(2), 57-62.
- Mohd Noor, N. H., & Nordin, N. B. (2023). Environmental Law and Policy on Domestic Waste Segregation: Study on The Indirect Effect of Community Awareness *Asian Journal of Environment*, 7(2), 25–39.
- Puteh, K. N. A. K., Nordin, N. B., Amri, M. A. H. S., & Noor, N. H. M. (2024). Keperluan Kawalan Pencemaran Udara di Malaysia: Kesan Pembakaran Terbuka, Pelepasan Industri, Pengangkutan, Pertanian, dan Asap Rokok. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 16(1), 19–31.

- Qomariah, N., & Nursaid, N. (2020). Sosialisasi Pengurangan Bahan Plastik Di Masyarakat. *Jurnal Pengabdian Masyarakat Manage*, 1(1), 43.
- Rahanyamtel, M. Y., Pinoa, W. S., & Manakane, S. E. (2024). Pengaruh Pengetahuan Pencemaran Lingkungan Terhadap Perilaku Penggunaan Barang Plastik Sekali Pakai Pada Mahasiswa Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Universitas Pattimura Ambon. *Jurnal Pendidikan Geografi Unpatti*, 3(1), 120–135.
- Saputri, D., Syahbanu, N. A., Wahab, M. A., Wakhyudi, M. D., Laksono, A. N., Manik, I. V., & Rafsanzani, M. R. (2024). Pengamatan terhadap Kebiasaan Membuang Sampah Plastik Kemasan Makanan Mahasiswa UNNES. *Jurnal Analis*, 3(1), 1-13.
- Sarkawi, I. Z., Ismail, K., Ibrahim, M. H., Isa, N. K. M. & Marzuki, M. (2021). Pemetaasn Sisa pepejal Domestik dan industri Menggunakan Aplikasi World Cleanup dan Sistem Maklumat Geografi di Hutan Melintang, Perak, Malaysia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 5(1), 53-67.
- Sitasari, N. W. (2022). Mengenal Analisa Konten dan Analisa Tematik dalam Penelitian Kualitatif. in *Forum Ilmiah*, 19(1), 77-84.
- Stratton, S. J. (2021). Population research: Convenience Sampling Strategies. *Prehospital and Disaster Medicine*, 36(4), 373–374. Cambridge.
- Syahirah, C., Lah, N., & Chamhuri, A. (n.d.). Tinjauan Awal Gelagat Pengguna Malaysia Terhadap Isu Penggunaan Beg Plastik Consumer Attitudes on the Use of Plastic Bags in Malaysia: A Preliminary Study. *Akademika*, 91(1), 25–38.
- Zambrano-Monserrate, M. A., & Ruano, M. A. (2020). Do you need a bag? Analyzing the consumption behavior of plastic bags of households in Ecuador. *Resources, Conservation and Recycling*, 152, 104489.